



# Tidak kesan kes penyakit berjangkit

**K**LANG: Sebanyak 59 pasukan perubatan dan kesihatan diwujudkan di kawasan banjir di empat negeri iaitu Johor, Melaka, Selangor dan Perak bagi mengesan, memantau dan mencegah kehadiran penyakit berjangkit.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, beliau sudah mengarahkan Jabatan Kesihatan di empat negeri itu bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan yang dilanda banjir.

“Setakat ini kita sudah memeriksa 101 mangsa banjir yang mendapatkan rawatan di pusat-pusat kesihatan yang ditubuhkan dan ia tidak menunjukkan kehadiran penyakit berjangkit seperti Leptospirosis, denggi, penyakit tangan dan mu-

lut dan lain-lain,” katanya kepada pemberita dalam sidang media selepas merasmikan Kompleks Kesihatan Bandar Botanik, di sini, semalam.

Liow menasihatkan kepada semua mangsa banjir supaya berhati-hati dengan wabak penyakit terabit dan jangan bermain dengan air banjir yang tidak bersih kerana dikhawatiri dicemari virus Leptospirosis yang boleh memudaratkan kesihatan.

“Jaga kebersihan air dan makanan kerana virus penyakit berjangkit bawaan air mudah memasuki sistem penghadaman badan mengakibatkan kita dijangkiti penyakit itu.

“Selain itu, pastikan meminum air yang dimasak,” katanya.